

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN
ABBAS
[TELOK KEMANG]**

TARIKH : 30.11.2015

NO. SOALAN : 43

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan:-

- (a) Impak pembinaan Pusat Transformasi Luar Bandar (Rural Transformation Centre) yang dibina di seluruh Negara berdasarkan 8 Inisiatif Bersepadu yang diperkenalkan oleh Kerajaan di bawah National Blue Ocean Strategy 4 (NBOS4); dan
- (b) Jumlah pekerjaan serta perniagaan yang telah pun dijana daripada pembinaan kemudahan tersebut kepada rakyat setempat.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga suku ketiga tahun 2015 (Januari hingga September), impak pelaksanaan lapan (8) inisiatif RTC dapat direkodkan melalui aktiviti-aktiviti penjanaan ekonomi dengan penglibatan seramai 20,528 usahawan/petani di RTC dan dalam radius 100 km dari RTC. Seramai 16,674 peserta telah menerima manfaat daripada 361 kursus percuma yang telah dilaksanakan manakala seramai 13,132 peserta telah direkodkan untuk program-program berteraskan kesukarelawan. Bagi memudahkan penduduk luar bandar mendapatkan akses kepada perkhidmatan kerajaan, Kerajaan telah menyediakan lebih daripada 20 agensi kerajaan di RTC seperti Klinik 1Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja dan lain-lain agensi di RTC seluruh negara. Dalam tempoh yang sama juga, seramai 356,154 orang pengunjung telah menerima pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan di RTC.

(b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini sebanyak tujuh (7) buah RTC telah pun ditubuhkan seluruh negara. Sehingga kini, seramai 4,432 orang usahawan telah mendapat manfaat daripada penubuhan RTC dan juga Mini RTC serta telah berjaya mewujudkan 2,327 peluang pekerjaan baru kepada penduduk.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS TAHUN 2015
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN MOHAMED HANIPA
BIN MAIDIN**

TARIKH : 30 NOVEMBER 2015(ISNIN)

SOALAN : 44

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan :-

- a) berapakah jumlah keseluruhan penduduk Orang Asli di Parlimen Sepang mengikut pecahan secara terperinci mengikut setiap kawasan penempatan mereka di Sepang;
- b) berikan jumlah sebenar Orang Asli mengikut setiap kawasan penempatan mereka di Sepang yang telah diberikan hak milik berdaftar hartanah-hartanah yang mereka duduki.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat sebanyak 1,059 keluarga Orang Asli dengan bilangan penduduk seramai 4,336 orang tinggal di dua puluh (20) buah kampung dengan keluasan berjumlah 2,044.44 hektar dalam Parlimen Sepang.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat, mengikut rekod Jabatan ini, tiada hak milik berdaftar secara pemilikan individu untuk tapak rumah atau pertanian bagi Orang Asli dalam Parlimen Sepang.

Kedudukan penempatan masyarakat Orang Asli dalam Parlimen Sepang adalah seperti berikut:-

- (i) 314 keluarga mendiami kawasan seluas 349.87 hektar di dalam lima (5) buah kampung yang telah diwartakan di bawah Seksyen 7, Akta Orang Asli 1954 (Akta 134);
- (ii) 63 keluarga mendiami kawasan seluas 261 hektar di dalam dua (2) buah kampung yang telah diluluskan permohonan pewartaan oleh Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Selangor;
- (iii) 670 keluarga mendiami kawasan seluas 1,341.57 hektar di dalam dua belas (12) buah kampung yang berstatus dalam permohonan pewartaan; dan
- (iv) 12 keluarga mendiami kawasan seluas 92 hektar di atas tanah milik syarikat persendirian.